

26/07/1997

Bank pusat Asean perlu serius saranan PM

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Jumaat - Tindakan bersepadu secara kolektif oleh semua bank pusat Asean adalah satu-satunya penyelesaian paling berkesan untuk menyekat spekulator mata wang daripada menggugat kestabilan ekonomi serantau.

Kalangan penganalisis dan ahli ekonomi tempatan yang dihubungi hari ini berkata, tindakan sedemikian berkesan kerana penyertaan semua bank pusat serantau menjanjikan kemampuan campur tangan yang lebih besar.

Sambil menyambut baik saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya negara Asean bersatu menangani masalah serangan spekulatif mata wang, mereka berkata pendekatan kolektif itu juga dapat mencetuskan kebimbangan kepada spekulator.

Mereka turut bersetuju supaya bank pusat Asean memandang serius saranan Dr Mahathir supaya mereka segera mengkaji kemungkinan menggubal undang-undang bagi menyekat 'taktik kotor' spekulator mata wang dalam meraih untung.

Ahli ekonomi kanan TA Securities Sdn Bhd, Anthony Dass, berkata walaupun ada perjanjian bersama antara bank pusat Asean mengekang kegiatan itu, ia masih belum cukup berkesan.

Ketika ini, kalangan bank pusat Asean dan serantau, termasuk Hong Kong dan Australia mempunyai mekanisme kerjasama menerusi perjanjian yang dimeterai pada 1987 untuk mengekang kegiatan spekulatif mata wang.

Menurutnya, cadangan Perdana Menteri semalam adalah idea bernas bagi memastikan rantau ini bebas daripada ancaman dan kehadiran spekulator mata wang.

"Meskipun ada perjanjian pada 1987, Dr Mahathir mungkin mahukannya untuk negara Asean sahaja. Ini bermakna, jika berlaku serangan spekulatif terhadap satu mata wang, rakan lain dalam Asean datang membantu.

"Bagaimanapun, sama ada ia boleh dilakukan atau tidak masih menjadi pertanyaan kerana kita sedang menuju ke dasar kewangan liberal di pasaran yang terbuka.

"Kita perlu menyedari hakikat bahawa mata wang negara masih terdedah kepada serangan spekulatif kerana ringgit umpamanya sudah diniagakan di London dan New York," katanya.

Dr Mahathir, ketika bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Menteri Luar Asean semalam, berkata kerjasama bank pusat di semua negara Asean boleh membantu mengurangkan tekanan spekulatif mata wang walaupun ia belum memadai.

Pengurus Bahagian Ekonomi dan Pasaran Rating Agency Malaysia Bhd (RAM), Dr Yeah Kim Leng, pula berkata memang wujud kerjasama antara bank pusat negara Asean tetapi kebanyakannya bertindak secara tidak langsung.

Jika berlaku serangan terhadap mata wang di semua rantau Asean seperti baru-baru ini, mereka lebih mengutamakan kepentingan sendiri terlebih dahulu.

"Kalau wujud keseragaman dalam bentuk tindakan melalui satu perjanjian serta peraturan jitu seperti saranan Perdana Menteri, semua bank pusat Asean boleh menggembleng sumber membantu rakan yang menghadapi serangan.

"Malah, melalui perjanjian seumpama itu juga, bank pusat negara Asean boleh mengadakan perbincangan serta bertukar idea dari semasa ke semasa untuk menangani pelbagai masalah sektor kewangan serantau," katanya.

Beliau berkata, ini perlu dilakukan kerana masalah serangan spekulatif mata wang itu berlaku di sebalik kekukuhan ekonomi sesebuah negara seperti

Malaysia, kerana jangkitan dari negara jiran.

Bagaimanapun, penganalisis di HLG Securities berkata adalah sesuatu yang agak sukar jika mahu menggubal undang-undang khas di rantau ini bagi mengekang spekulator mata wang.

(END)